

67

PENGLIBATAN KAUM WANITA
BUMIPUTERA DALAM BIDANG PERNIAGAAN
KAJIAN KES: BANDAR PASER MAS, KELANTAN

OLEH

RAHIMAH BINTI HAJI CHE DAUD

BAHAGIAN GEOGRAFI
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PULAU PINANG

1986

PENGLIBATAN KAUM WANITA
BUMIPUTERA DALAM BIDANG PERNIAGAAN
KAJIAN KES : BANDAR PASIR MAS, KELANTAN

OLEH

RAHIMAH BINTI HAJI CHE DAUD

BAHAGIAN GEOGRAFI
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PULAU PINANG

1986

Istimewa Buat;

Ayahanda dan Bonda yang telah banyak berkorban dan mendidiku dengan sempurna.....

Juga senantiasa mendoakan kejayaan-ku serta adik-adik.

Adik-adikku yang tersayang yang sama-sama berjuang untuk keluarga, agama, bangsa dan tanahair tercinta, Dan

Untuk Sidia yang telah banyak berdoa dan berjuang untuk kebahagiaan bersama.....

PRAKATA

Latihan Ilmiah ini merupakan sebuah kursus yang bercorak penyelidikan yang telah dikenakan kepada pelajar Ilmu Ke-manusiaan Tahun Akhir. Kursus ini merupakan kursus perlu untuk pengijazahan yang membawa nilai sebanyak lapan unit. Pengendalian kursus ini dilakukan oleh pelajar secara perseorangan dengan dibantu oleh seorang penyelia yang sentiasa memberi tunjukajar serta teguran yang membina.

Kursus ini adalah bertujuan untuk mendedahkan para pelajar kepada kerja-kerja luar di samping mempraktikkan pengetahuan yang diperolehi selama ini. Pelajar-pelajar juga berpeluang menggunakan teknik-teknik penyelidikan secara ilmiah, mencungkil kebolehan mengeluarkan hujah yang bernas serta melatih diri untuk berdikari mencari maklumat yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan.

Pengkajian yang berbentuk ilmiah ini adalah penting untuk melatih pelajar mengemukakan ideanya yang padat serta berkesan sehingga diharapkan dapat dijadikan bahan rujukan untuk penyelidikan pada masa akan datang.

Pengkaji telah berusaha sedaya upaya untuk menyiapkan kajian ini, dan jika terdapat kekurangan ianya adalah tanggungjawab pengkaji.

Rahimah
Universiti Sains Malaysia.
Februari 1986.

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah keizinnannya, maka dapatlah saya menyiapkan Latihan Ilmiah ini dengan sepenuhnya walaupun terdapat berbagai-bagai halangan dan rintangan.

Saya mengambil kesempatan ini ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada En. Morshidi Hj.Sirat yang telah banyak berkorban masa dan tenaga sepanjang kursus ini berlangsung. Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada beliau di atas segala tunjukajar, pandangan, teguran dan nasihat yang membina untuk kajian saya.

Terima kasih juga saya tujukan kepada pegawai-pegawai yang bertugas di Pejabat Majlis Daerah Pasir Mas terutama sekali kepada En. Ismail Yussof yang telah banyak memberi bantuan untuk menjayakan kajian ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih ini ditujukan kepada Pegawai Pejabat Mara Pasir Mas, Kakitangan di Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Mas dan kepada seluruh individu yang terlibat dengan kajian yang dijalankan.

Terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada adik saya Mohd.Tarmizi Hj.Daud yang telah banyak berkorban membantu saya sepanjang pengkajian dijalankan. Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada seluruh keluarga yang

tidak jemu-jemu memberi sokongan moral dan material sehingga kajian ini berjalan dengan lancar.

Tidak lupa juga sekalung budi buat sahabat saya di kampus Universiti Sains Malaysia dan di mana-mana sahaja yang terlibat secara langsung atau secara tidak langsung. Budi kalian tetap kukenang sampai ke akhir hayat.

Akhirnya salam kemaafan di atas segala ketelanjuran kepada semua pihak dari awal hingga akhir kajian ini berjalan.

Wassallam.

Rahimah Binti Haji Che Daud,
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Tahun Akhir,
Universiti Sains Malaysia.

15 Februari 1986.

ABSTRAK

Kajian ini ialah satu kajian kes penglibatan peniaga-peniaga wanita bumiputera di bandar Pasir Mas, Kelantan. Kajian ini bertujuan untuk meninjau dengan lebih dekat lagi soal-soal yang berhubung dengan aktiviti perniagaan yang dijalankan. Ini melibatkan semua aspek yang berkaitan dengan desakan yang mendorong kaum wanita untuk berniaga, pengendalian perniagaan dan permasalahan yang dihadapi semasa menjalankan aktiviti tersebut. Kajian ini juga memperlihatkan sejauh manakah peranan kaum wanita bumiputera penting untuk meningkatkan taraf ekonomi penduduk di dalam sesebuah keluarga khususnya dan negara amnya.

Perbincangan dalam kajian ini adalah berkisar kepada latarbelakang sosio-ekonomi peniaga-peniaga wanita bumiputera yang berkaitan dengan aspek umur, taraf pelajaran, pekerjaan suami dan aspek peribadi yang lain. Ia bertujuan untuk melihat sejauh manakah hubungan aspek peribadi dengan kegiatan perniagaan yang dilakukan. Faktor peribadi boleh mempengaruhi setiap wanita bumiputera di dalam menentukan jenis perniagaan yang diceburi dan jumlah modal yang digunakan untuk mengendalikan perniagaannya.

Kajian ke atas perniagaan ditentukan kepada aspek pola dan corak perniagaan peniaga-peniaga bumiputera di bandar Pasir Mas. Perbincangan yang mendalam dibuat terhadap jenis perniagaan, bentuk ruang niaga dan taburan geografis setiap perniagaan yang dilakukan.

Dalam konteks ini penganalisaan yang dibuat melibatkan jumlah modal, sumber modal yang didapati, cara-cara pengurusan perniagaan dan aspek yang berkaitan dengan pembekalan komoditi dagangan. Penganalisaan ini boleh memberi satu gambaran yang sebenar terhadap aktiviti perniagaan yang dilakukan oleh kaum wanita.

Masalah-masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga wanita bumiputera juga diperlihatkan iaitu dari sudut kekurangan modal, persaingan, lokasi perniagaan dan lain-lain lagi. Masalah yang ditonjol ini seharusnya dipandang penting demi untuk mencari jalan penyelesaian dan dapat mempertingkatkan lagi mutu perniagaan mereka.

Analisa tentang sikap peniaga-peniaga wanita bumiputera di bandar Pasir Mas dapat memberi suatu gambaran bahawa sejauh manakah mereka bertindak balas terhadap kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan. Peranan sikap ini adalah suatu aspek yang penting untuk memastikan bahawa inisiatif yang telah diambil oleh kerajaan dapat dinikmati oleh rakyat terbanyak. Faktor kesedaran adalah penting untuk menentukan supaya suatu dasar yang dilancarkan oleh kerajaan mendapat sambutan yang positif dari semua pihak.

ABSTRACT

This case study researches on the involvement of bumiputera businesswomen in Pasir Mas, Kelantan. The purpose is to observe more closely the factors pertaining to the business activities that are carried out. This involves factors which prompted the womenfolk to trade, ways of conducting business and problems faced while carrying out these activities. This research, at the same time they investigate the role of women in increasing the economic status of the family in particular and the country in general.

The discussion thus evolves around the socio-economic background of the bumiputera women traders example age, level of education, husband's occupation and other personal detail. The purpose is to see the relationship between personal aspects and the business activities carried out. Personal factors can influence every bumiputera women in the type of business that she is involved in and also the amount of capital that is needed to carry out her business.

Emphasis here is on the patterns of business activities carried out by women in the Pasir Mas. A detail discussion on the type of business, place of the business and the geographical distribution of each business activity is carried out.

In this context, the analysis includes investigation on amount initial capital, sources of capital, ways of conducting business and issues related to the supply of trading commodities. This analysis will project a realistic picture regarding the business activities which are carried out by women.

The problem faced by bumiputera business women will also be highlighted. This is with regard to insufficient capital, competition, business location and others. The problems being pointed here thus should be regarded important in the hope that solutions will be found so that the quality of the business will be improved

The analysis on the attitudes of bumiputera businesswomen will show that how women's reaches to the facilities provided by the government. Such attitudes played an important role in ensuring that the government's initiatives can be fully enjoyed by the people. Sense of awareness is important in determining whether a government policy has been accepted by all quarters.